

Bina kampus cawangan di sini

Kerajaan timbmg permohonan **empat** universiti asing

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Kerajaan sedang menimbang permohonan dari sekurang-kurangnya empat buah universiti asing untuk mengadakan kampus cawangannya di negara ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia memberi kebenaran kepada universiti asing membuka cawangan kampus cawangannya di Malaysia kerana langkah tersebut boleh mengurangkan kos pelajaran.

"Dengan adanya kampus universiti asing itu, adalah diharapkan lebih ramai rakyat Malaysia akan memperoleh peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi," jelas beliau.

Bercakap kepada para pemberita selepas majlis konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman di Dewan Lee San Choon, Wisma MCA di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan sedar ramai penuntut Malaysia melanjutkan pelajaran ke universiti luar negeri dan ini melibatkan perbelanjaan yang besar.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri berkata, yuran pengajian di universiti meningkat dengan banyak hampir sehap tahun dan oleh itu adalah lebih wajar membenarkan

universiti asing menubuhkan cawangan di negara ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, Malaysia tidak berupaya menubuhkan universiti baru kerana menghadapi masalah dari segi keperluan untuk mendapatkan kakitangan.

"Oleh itu kalau kita tidak dapat mengadakan universiti sendiri, adalah lebih baik kita bawa universiti luar negeri ke Malaysia.

"Bagaimanapun kursus yang mereka adakan haruslah mematuhi syarat seperti yang ditentukan dalam Dasar Pendidikan Malaysia," jelas beliau.

Menjawab satu soalan, Perdana Menteri menjelaskan, kajian yang kerajaan sedang jalankan itu melibatkan pembukaan kampus cawangan universiti dari United Kingdom dan Jepun.

Beliau berkata, melalui pembukaan kampus cawangan universiti asing itu, kerajaan ingin memastikan tumpuan diberi kepada pelajaran teknikal dan kejuruteraan.

Ditanya bilakah universiti ini mungkin akan mula beroperasi, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata rundingan mengenainya akan diadakan dengan segera agar membolehkan mereka membuka kampus cawangan tidak

lama lagi.

Menjawab satu lagi soalan, beliau berkata, setiap universiti asing yang ditengar membuka kampus dimestikan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

"Kalau mereka enggan mematuhi syarat yang kita tetapkan, kita tidak akan memberikannya lesen. Pada masa yang sama, kita juga mengkaji kemampuan mereka sama ada mereka boleh menampung keperluan kita," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata oleh kerana Malaysia memerlukan penuntut dengan kebolehan tertentu, kerajaan mungkin akan mengadakan kursus yang ditawarkan.

Ditanya mengenai perkembangan terbaru mengenai hasrat Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) menyertai Barisan Nasional, katanya, adalah tidak wajar untuk membuat sebarang keputusan mengenainya sekarang.

"Bagi pendapat saya, biarlah apa juga yang berlaku reda kerana perkara yang dibangkitkan semasa kempen pilihanraya masih lagi mempengaruhi ramai daripada mereka yang terlibat.

"Oleh itu, kita harus tenang keadaan dan berfikir secara waras sebelum membuat sebarang keputusan," jelas beliau.